

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XVI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

4. Memandangkan kerajaan pusat tidak lagi di bawah Pakatan Harapan, adakah "bond" yang berjumlah RM10 billion yang dicadangkan sebelum ini masih akan dikeluarkan oleh kerajaan pusat untuk membina Light Rail Transit (LRT)?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Y.A.B. Perdana Menteri yang ketujuh (7) telah mencadangkan agar *Special Purpose Vehicle* (SPV) ditubuhkan untuk menerbitkan bon dengan jaminan Kerajaan Persekutuan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang menguruskan penubuhan SPV tersebut dan penerbitan bon akan diteruskan dengan mendapatkan jaminan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai kos pembinaan *Light Rail Transit* (LRT) fasa 1. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berharap kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan dapat diteruskan dengan memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri dalam menjayakan projek LRT di Pulau Pinang.